

Makanan percuma untuk mahasiswa UMS

Kota Kinabalu: Prihatin terhadap nasib mahasiswa yang kurang berkemampuan, Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyediakan makanan tengah hari percuma kepada mahasiswa berkenaan.

Program bermula sejak Oktober lalu itu menjadikan Masjid UMS sebagai pusat agihan makanan sebelum diberikan secara percuma kepada mahasiswa.

Pengerusi PEMBINA UMS, Muhammad Izzat Naif Mad Isa, berkata usaha itu seiring dengan inisiatif pihak pengurusan universiti untuk menjaga kebajikan pelajar.

Sumbang dana

Beliau berkata, pihaknya turut berterima kasih kepada mereka yang sudi menyumbang dana bagi menjayakan usaha murni itu.

"Kami peka terhadap masalah mahasiswa dan berusaha membantu bagi meringankan beban mereka.

"Lazimnya, mahasiswa tidak berkemampuan tidak akan menyuarakan kesusahan mereka, mungkin kerana mereka malu atau mungkin juga kerana tidak tahu saluran

yang betul untuk meminta bantuan," katanya.

Menerusi usaha itu, katanya, diharap mampu menangani masalah kewangan yang dihadapi mahasiswa.



Mahasiswa mendapatkan **makanan percuma yang disediakan** PEMBINA UMS.